



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Adakah Anda Pengguna Bijak?

Nurulhasni bt Shaari @ Mat Saman

UiTM Selangor Cawangan Dengkil)

nurul015@uitm.edu.my

Pengguna? Siapa pengguna? Menurut Kamus Dewan pengguna merujuk kepada individu yang menggunakan barangan atau perkhidmatan untuk keperluan sendiri atau isi rumah. Semua orang tanpa mengira peringkat umur dan latar belakang, adalah pengguna.

Sumber: Kelab Pengguna (TTPM)

Seiring era globalisasi dan digitalisasi, pengguna kini boleh membeli barang keperluan dari rumah, pejabat atau di mana sahaja pengguna berada tanpa perlu ke kedai atau pusat membeli-belah. Pengguna lebih suka membeli secara dalam talian berbanding luar talian kerana ia dilihat sebagai satu langkah bijak untuk menjimatkan kos dan masa. Namun, pengguna harus peka dan bijak semasa bertransaksi secara dalam talian agar tidak terjebak dan terjerat dengan taktik halus lanun siber atau scammer.



Sering kali, kita mendengar berita dari media massa tentang jenayah siber yang semakin meningkat, jumlah kerugian yang tinggi serta pelbagai taktik halus yang digunakan dalam usaha untuk memperdaya mangsa. Jenayah siber yang wujud pada hari ini tidak lagi terbatas hanya dengan menggunakan komputer sebagai alat dalam melakukan jenayah, sebaliknya ia juga boleh ditakrifkan dengan jenayah yang berlaku di internet mahupun alam siber yang melibatkan penipuan dan helah tipu daya (Anita Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap, 2004).

Malangnya, ramai yang terpengaruh, percaya dan terpedaya dengan janji manis dan muslihat scammer. Ini jelas menunjukkan bahawa transaksi penipuan

dalam talian wujud. Lanun siber ini terlibat dalam pelbagai jenis kes penipuan seperti Macau scam, Love scam, E-Biz dan sebagainya. Oleh yang demikian, isu kepenggunaan perlu diberi perhatian serius agar masyarakat tidak mudah percaya dengan tipu daya dan muslihat penjenayah siber. Untuk menangani isu tersebut, kita sebagai pengguna perlu bertindak lebih bijak daripada lanun siber.

Tips melindungi diri daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian. Pengguna yang bijak akan terlebih dahulu:-

1. menyemak dan membaca testimoni pelanggan-pelanggan lain.
2. mendapatkan perincian penjual, alamat dan maklumat lengkap
3. membuat perbandingan harga. (Sekiranya barang yang diiklankan terlampau murah berbanding harga sebenar terutama barangan yang berjenama,)
4. menyemak akaun scammer di <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> dengan memasukkan nombor telefon atau akaun bank

Oleh itu, pengguna yang bijak hendaklah sentiasa cakna dan waspada terhadap penipuan dalam talian. Jangan mudah terpedaya dengan apa saja taktik yang digunakan untuk menjerat mangsa. Sekiranya jadi mangsa scammer laporkan terus kepada pihak berkuasa.

Rujukan:

[1] Farahana Hussain, Angkara Lanun Siber Duniaku Gelap Gelita, 2022